

Manhaj Imam Ash‘ari Dalam Berinteraksi Dengan Sifat Khabariyyah Menerusi Kitab Al-Ibanah

[The Methodology of Imam Ash‘ari in Engaging with Sifat Khabariyyah Through the Book al-Ibanah]

Mohd Saiba Yaacob¹, Syed Hadzrullathfi Syed Omar² & Engku Ibrahim Engku Wok Zin³

¹ (Corresponding Author) Usuluddin Study Centre, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Malaysia. E-mail: saiba@unisza.edu.my

² Usuluddin Study Centre, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Malaysia. E-mail: sylutfi@unisza.edu.my

³ Usuluddin Study Centre, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Malaysia. E-mail: ibrahim@unisza.edu.my

ABSTRACT

Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari (Imam Ash‘ari) produced various works that discuss the authentic manhaj (methodology) of engaging with Sifat Khabariyyah. He adopted two distinct approaches through different writings: the Ithbat and Tafwid. Among the challenges that arose were the differing views of later scholars regarding Imam Ash‘ari’s final manhaj. This led proponents of sect Ithbat to question the sect of Tafwid and vice versa. Unlike the phenomenon of ikhtilaf, this study seeks to identify the manhaj (methodology) adopted by Imam Ash‘ari in his work, al-Ibanah, by referencing three distinct text versions. This research aims to ascertain the concepts and principles of Ithbat that Imam Ash‘ari affirmed in al-Ibanah. The study employs a qualitative approach, applying library research techniques, including data collection and analysis. The findings indicate that in al-Ibanah, Imam Ash‘ari adopted the manhaj al-Ithbat bi-la Kayfiyyah, affirming attributes like istiwa’, nuzul, wajh, yad, ‘ayn, and curb, while negating al-hudud, such as corporeality, physical composition, spatial location, movement or displacement, sitting, and other similar traits. These findings can serve as a foundation for reconciling the sects of Ithbat and Tafwid, thereby strengthening the Muslim community’s comprehension of the categorisation of Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah scholars into three groups: Ahl al-Hadith, Ash‘ariyyah, and Maturidiyyah.

Keywords: Sifat Khabariyyah, al-Ithbat bi La Kayfiyyah, Tafwid al-Ma‘na, Tafwid al-Kayfiyyah

ABSTRAK

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (Imam Ash'ari) telah menghasilkan pelbagai karya yang membincangkan tentang manhaj yang sahih dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*. Menerusi karya-karya yang berlainan, beliau telah menerima pakai dua aliran yang berbeza iaitu aliran *Ithbat* dan aliran *Tafwid*. Antara permasalahan yang timbul ialah para ulama terkemudian telah berbeza pendapat ketika membincangkan tentang manhaj terakhir Imam Ash'ari. Ini menyebabkan para pendukung aliran *Ithbat* dalam kalangan Hanabilah telah mempertikaikan aliran *Tafwid* yang didukung oleh Asha'irah dan demikian juga sebaliknya. Berbeza daripada fenomena percanggahan pendapat sedemikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti manhaj yang telah diterima pakai oleh Imam Ash'ari menerusi penulisan kitab *al-Ibanah* dengan merujuk kepada tiga versi yang berbeza. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep dan prinsip *Ithbat* yang telah diberi perakuan oleh Imam Ash'ari menerusi kitab *al-Ibanah*. Kajian ini dilakukan dengan mengaplikasikan metode kualitatif menerusi kajian kepustakaan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan metode analisis data. Kajian ini mendapati bahawa menerusi penulisan kitab *al-Ibanah*, Imam Ash'ari telah menerima pakai manhaj *al-Ithbat bi-la Kayfiyyah*, di mana beliau telah mengisbatkan sifat *istiwa'*, *nuzul*, *wajh*, *yad*, *'ayn* dan *qurb* beserta dengan menafikan sifat *al-huduth* (sifat-sifat baharu) seperti berjisim, beranggota, bertempat, bergerak atau berpindah tempat, duduk dan sebagainya. Dapatan kajian ini boleh dijadikan asas pengharmonian antara aliran *Ithbat* dan aliran *Tafwid*, sekali gus boleh memperbetulkan kefahaman masyarakat Islam terhadap pengertian aliran *Ithbat* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* menurut penjelasan Imam Ash'ari menerusi kitab *al-Ibanah*.

Kata Kunci: *Sifat Khabariyyah*, *al-Ithbat bi La Kayfiyyah*, *Tafwid al-Ma'na*, *Tafwid al-Kayfiyyah*

How to Cite:

Received: 16-9-2024
Revised: 12-11-2024
Accepted: 22-11-2024
Published: 25-11-2024

Yaacob, M. S., Omar, S. H. S. & Zin, E. I. E. W. (2024). Manhaj Imam Al-Ash'ari Dalam Berinteraksi Dengan *Sifat Khabariyyah* Menerusi Kitab *Al-Ibanah*. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 243-260.

1. Pendahuluan

Apa yang dimaksudkan dengan *Sifat Khabariyyah* ialah sifat-sifat Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih yang telah diisbatkan (disabitkan) oleh *fuqaha' mujtahidin* dan *Ahl al-Hadith mutaqaddimin* seperti

istiwa', *wajh*, *yad*, *maji'*, *ityan* dan *nuzul* (Abu Hanifah, 2007; al-Ash'ari, 2010; al-Bayhaqi, 1999). Sehubungan itu, Imam Ash'ari merupakan seorang tokoh Khalaf *mutaqaddimin* yang berjaya menggunakan pelbagai dalil *naqli* dan dalil *'aqli* dalam mendedahkan pelbagai dakwaan sesat oleh golongan ahli bidaah seperti ateis, Muktaizilah, Rafidah, Jahmiyyah, Khawarij dan lain-lain (Yaacob, 2023; Ibn al-Mu'allim, 2019: 1/319, 347).

Imam Ash'ari telah menghasilkan pelbagai karya seperti *al-Ibanah* (1977; 1998; 2010; Ibn 'Asakir, 2017), *al-Luma'* (2012), *Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam* (2012), *Maqalat al-Islamiyyin* (2009) dan *Risalah ila Ahl al-Thaghr* (2002). Namun begitu, manhaj beliau dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* menerusi penulisan kitab *al-Ibanah* didapati berbeza daripada karya-karya beliau yang lain. Tambahan lagi kitab *al-Ibanah* yang tersebar dalam kalangan para sarjana Islam dewasa ini terdiri daripada pelbagai cetakan yang mengandungi beberapa fakta yang berbeza di antara satu sama lain. Ini menyebabkan kitab *al-Ibanah* dan data-data yang terkandung di dalam kitab tersebut telah menerima pandangan yang berbeza daripada para sarjana Islam sejak dahulu hingga sekarang.

Justeru itu, artikel ini akan membincangkan tentang manhaj Imam Ash'ari dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* dengan merujuk kepada tiga versi kitab *al-Ibanah* sahaja. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aliran *Ithbat* yang telah diberi perakuan oleh Imam Ash'ari menerusi kitab *al-Ibanah* dan sekali gus untuk memperbetulkan fahaman masyarakat terhadap aliran *Ithbat* yang diterima pakai oleh *Ahl al-Hadith* berbanding aliran *Tafwid* yang diterima pakai oleh Asha'irah dan Maturidiyyah (Yaacob et al., 2023; al-Zabidi, t.t: 2/86).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data, kaedah penganalisan data dan kaedah persejajaran. Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan memfokuskan kepada kandungan tiga versi kitab *al-Ibanah* sahaja iaitu kitab *al-Ibanah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn 'Asakir dalam karya beliau *Tabyin Kadhib al-Muftari* (2017), kitab *al-Ibanah* yang diulas (*ta'liq*) oleh 'Abd Allah Mahmud Muhammad 'Umar (1998) dan kitab *al-Ibanah* yang telah diteliti dan disahkan (*tahqiq*) oleh Bashir Muhammad 'Uyun (2010).

Kaedah penganalisan data pula merangkumi kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Kaedah induktif digunakan dalam menganalisis data-data yang khusus dan terperinci dalam kitab *al-Ibanah* bagi mengenal pasti konsep *Ithbat* menurut perspektif Imam Ash'ari dalam berinteraksi dengan sifat *istiwa'*, *nuzul*, *maji'*, *ityan*, *qurb*, *wajh*, *yad* dan *'ayn*.

Kaedah deduktif pula digunakan dalam merumuskan konsep dan prinsip *Ithbat* menurut perspektif Imam Ash‘ari dalam kitab *al-Ibanah* dengan merujuk kepada beberapa penjelasan ulama Salaf dan ulama Khalaf yang terbahagi kepada pendukung aliran *Ithbat* dan pendukung aliran *Tafwid*. Manakala kaedah komparatif pula digunakan untuk membuat perbandingan antara data-data berbeza yang terkandung dalam tiga versi kitab *al-Ibanah* khususnya berkaitan penggunaan lafaz *yad* dan *'ayn* berbanding penggunaan lafaz *yadayn* dan *'aynayn*.

3. Dapatan Kajian

Menerusi *muqaddimah* pelbagai versi kitab *al-Ibanah*, Imam Ash‘ari (1977: 20; 1998: 14; 2010: 43; Ibn ‘Asakir, 2017) menjelaskan bahawa akidah beliau adalah berteraskan kepada al-Quran dan *al-Hadith* serta apa yang telah diriwayatkan daripada para Sahabat RA, Tabi‘in dan *A‘immah al-Hadith* serta menurut perspektif Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal.

Sehubungan itu, kandungan terawal kitab *al-Ibanah* berkaitan manhaj Imam Ash‘ari dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn ‘Asakir (2017: 125) ialah sebagaimana berikut:

وَأَنَّ اللَّهَ اسْتَوَى عَلَى عَرْشِهِ كَمَا قَالَ (الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى) (طه: ٥)
وَأَنَّ لَهُ وَجْهًا كَمَا قَالَ: {وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ} (الرحمن: ٢٧)
وَأَنَّ لَهُ يَدًا كَمَا قَالَ: {بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ} (المائدة: ٦٤) وَقَالَ: {لَمَّا خَلَقْتُ
يَبْدَى} (ص: ٧٥) وَأَنَّ لَهُ عَيْنًا بَلَا كَيْفٍ كَمَا قَالَ: {تَجَرَّى بِأَعْيُنِنَا} (القمر:
١٧).

Terjemahan: “Dan bahawa Allah telah beristiwa’ di atas arasyNya sebagaimana yang Dia telah berfirman (yang bermaksud) “Iaitu (Allah) al-Rahman yang beristiwa’ di atas arasy (Taha, 20: 5)”;

dan bahawa Dia mempunyai Wajah sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): “Dan akan kekallah Dhat Tuhanmu [terjemahan zahir: Dan kekallah Wajah Tuhanmu] yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (al-Rahman, 55: 27)”;

dan bahawa Dia memiliki Yad sebagaimana Dia telah berfirman (yang bermaksud): “bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaNya luas melimpah-limpah)” (al-Ma‘idah, 5: 64), dan (sebagaimana) Dia telah berfirman (yang bermaksud): “kepada

(Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu” [terjemahan secara literal: dengan dua tanganKu] (Sad, 38: 75); dan bahawa Dia mempunyai ‘ayn tanpa kayfiyyat sebagaimana Dia berfirman (yang bermaksud): “yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami [terjemahan secara literal: dengan mata-mata Kami]” (al-Qamar, 54: 14).

Setelah membuat perbandingan dengan tiga versi kitab *al-Ibanah* yang lain, antara perbezaan yang perlu ditonjolkan menerusi artikel ini ialah:

Pertama, kandungan kitab *al-Ibanah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn ‘Asakir telah mengisbatkan sifat *wajh*, *yad* dan *‘ayn* dengan menggunakan lafaz *mufrad* (*singular*). Manakala kitab *al-Ibanah* yang diteliti dan disahkan (*tahqiq*) oleh Dr. Fawqiyyah Husayn Mahmud (1977: 22) dan kitab *al-Ibanah* yang diulas (*ta’liq*) oleh ‘Abd Allah Mahmud Muhammad ‘Umar (1998: 16) telah menggunakan lafaz *wajh*, *yadayn* dan *‘aynayn*. Sementara kitab *al-Ibanah* yang diteliti dan disahkan (*tahqiq*) oleh Bashir Muhammad ‘Uyun (2010: 44) pula menggunakan lafaz *wajh*, *yadayn* dan *‘ayn*.

Pengisbatan sifat *‘aynayn* (dua mata: dengan lafaz *tathniyyah*) kepada Allah SWT adalah perlu diberi penilaian semula kerana empat alasan. Pertama, pengisbatan sifat *‘aynayn* adalah tidak bersumber daripada al-Quran mahupun hadis (Ibn Hazm, 2003). Kedua, ia tidak pernah diijmakan oleh ulama Salaf bahkan juga tidak pernah diriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal (2003; 2007; 2013). Ketiga, ia berbeza daripada pengisbatan sifat *‘ayn* (dengan lafaz tunggal) yang terkandung dalam kitab *al-Ibanah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn ‘Asakir (2017: 125). Keempat, pengisbatan sifat *‘aynayn* hanya terkandung dalam karya-karya sarjana Islam yang memberi dukungan kepada manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* sahaja seperti Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1988: 286, 288-289, 297-298, 300-303) dan para sarjana Islam dalam kalangan Salafiyyah (Yasin, 2016).

Selain itu, pengisbatan sifat *yadayn* (dua tangan: dengan lafaz *tathniyyah*) juga perlu diberi penilaian semula kerana dua alasan. Pertama, ia berbeza daripada pengisbatan sifat *yad* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn ‘Asakir (2017: 125). Kedua, pengisbatan sifat *yad* (dengan lafaz tunggal) turut digunakan oleh Imam Ibn al-Qayyim (2006: 1/236) menerusi penjelasan berikut:

فَصَحَّ قَوْلُ أَبِي الْحَسَنِ الْأَشْعَرِيِّ: إِنَّ أَيْدِيَّ مِنْ قَوْلِهِ { خَلَقَ آدَمَ بِيَدَيْهِ } وَقَوْلِهِ: { لَمَّا خَلَقْتُ بِيَدَيَّ } (ص: ٧٥) صِفَةً وَرَدَّتْ بِهَا الشَّرْعُ وَلَمْ يُقَلَّ: إِنَّهَا فِي مَعْنَى الْقُدْرَةِ

كَمَا قَالَ الْمُتَأَخِّرُونَ مِنْ أَصْحَابِهِ وَلَا فِي مَعْنَى النَّعَمِ وَلَا قَطَعَ بِشَيْءٍ مِنَ التَّأْوِيلَاتِ
تَحَرُّرًا عَنْ مُخَالَفَةِ السَّلَفِ وَقَطَعَ بِأَنَّهَا صِفَةٌ تَحَرُّرًا عَنْ مَذْهَبِ الْمُشَبِّهَةِ.

Terjemahan: “Maka sahlah kata-kata Abu al-Hasan al-Ash‘ari: bahawa al-Yad dari sabda baginda (yang bermaksud): “Dia telah menciptakan Adam dengan tanganNya, dan (dari) firmanNya (yang bermaksud): kepada apa yang telah Aku ciptakan dengan dua tanganKu, merupakan “satu sifat” yang telah dinaskan oleh syarak; dan beliau (Imam Ash‘ari) tidak pernah mengatakan: Sesungguhnya ia digunakan dengan maksud qudrat (kekuasaan) sebagaimana yang dikatakan oleh golongan muta’akhhirin dalam kalangan para sahabatnya; dan tidak juga dengan erti nikmat-nikmat, dan beliau tidak memutuskannya dengan sebarang takwilan bagi memelihara diri daripada menyalahi (manhaj ulama) Salaf; dan beliau memutuskan (pendirian) bahawa ia merupakan “satu sifat” bagi memelihara diri daripada mazhab golongan Mushabbihah”.

Merujuk kepada pernyataan Ibn al-Qayyim di atas, penjelasan Imam Ash‘ari bahawa *Yad* merupakan “satu sifat” bagi Allah Ta‘ala adalah perlu dijadikan teladan kerana ia boleh menyelamatkan akidah masyarakat awam daripada fahaman *tashbih* (penyamaan sifat) dan *tajsim* (pemberian sifat fizikal), serta boleh digunakan untuk menamatkan konflik antara sesama para sarjana Islam.

Manakala berkenaan kewujudan sifat *yadayn* dalam karya Imam al-Baqillani (1987: 295-297) contohnya sebagaimana yang terkandung dalam surah *Sad* (38: 75) adalah tidak boleh difahami dengan maksud "dua anggota". Ia sebaliknya perlu difahami dengan maksud "dua sifat" yang layak bagi Allah SWT tanpa *ta'til* (penafian), tanpa *tashbih* (penyerupaan) dan tanpa *takyif* (menentukan bentuk atau bagaimana sesuatu berlaku), bahkan juga tanpa *kayfiyyat* (بِلَا كَيْفٍ) iaitu tanpa rupa atau bentuk dan juga tanpa ciri ataupun cara.

Sehubungan itu, Imam al-Bayhaqi (t.t: 453) menjelaskan bahawa firman Allah SWT dalam surah *Sad* (38: 75) iaitu (يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا (خَلَقْتُ بِيَدَيَّ) dengan menggunakan lafaz *yadayn* adalah tidak boleh ditafsirkan dengan maksud "anggota" kerana Allah SWT yang bersifat Maha Esa adalah mustahil berlaku pembahagian pada *Dhat*Nya. Dan tidak boleh juga ditafsirkan dengan maksud "kekuatan dan nikmat" kerana tafsiran tersebut akan menyebabkan berlaku persamaan antara penciptaan kekasihNya, Adam dan penciptaan musuhNya, Iblis. Justeru itu, lafaz *yadayn* perlu ditafsirkan dengan maksud "dua sifat" yang berkaitan dengan penciptaan Adam sebagai suatu kurniaan kemuliaan untuknya, bukannya sebagaimana penciptaan Iblis.

Justeru, tidak harus mentafsirkannya kepada maksud yang selain daripada "sifat".

Ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa Imam Ash'ari dan ulama Asha'irah sebenarnya telah memiliki kefahaman yang jelas ketika berinteraksi dengan sifat *istiwa'*, *yad*, *'ayn* dan sebagainya.

Kedua, tiga versi kitab *al-Ibanah* di atas telah menggunakan frasa (بَلَا كَيْفٍ). Cumanya kitab *al-Ibanah* yang dinukilkan oleh al-Hafiz Ibn 'Asakir hanya menggunakan frasa tersebut sebanyak sekali sahaja berbanding versi kedua dan versi ketiga yang menggunakan frasa tersebut sebanyak tiga kali iaitu (يَدِينُ بَلَا كَيْفٍ), (وَجْهًا بَلَا كَيْفٍ), dan (عَيْنًا بَلَا كَيْفٍ) ataupun (عَيْنَيْنِ بَلَا كَيْفٍ).

Sehubungan itu, kitab *al-Ibanah* yang ditahqiq oleh Bashir Muhammad 'Uyun (al-Ash'ari, 2010: 100, 102) turut menggunakan frasa (بَلَا كَيْفٍ) ketika mengisbatkan sifat *istiwa'* di atas arasy sebagaimana penjelasan berikut:

وَأَنَّهُ مُسْتَوٍ عَلَى عَرْشِهِ بَلَا كَيْفٍ وَلَا اسْتِقْرَارٍ.

Terjemahan: “Dan bahawasanya (Allah Ta‘ala) beristiwa’ (tertinggi) di atas arasyNya tanpa kayfiyyat (cara dan bentuk) dan tanpa istiqrar (menetap)”

Penjelasan Imam Ash'ari di atas adalah bertujuan untuk mengisbatkan sifat *istiwa'* beserta dengan mensucikan Allah SWT daripada *kayfiyyat* iaitu bentuk, ciri (Azwira, 2011: 31), rupa (Abid, 2014: 57) dan cara (Ismail, 2017: 191). Sekali gus, penjelasan di atas boleh digunakan untuk menolak dakwaan golongan Mujassimah yang mengatakan bahawa Allah SWT telah menjadikan arasy sebagai tempat menetap bagi *Dhat-Nya* (Ibn 'Asakir, 2017: 199-120).

Frasa (بَلَا كَيْفٍ) turut digunakan oleh Imam Ash'ari dalam kitab *al-Ibanah* ketika membincangkan tentang sifat *qurb* dalam firman Allah Ta‘ala (وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ) yang bermaksud: “*Sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya [manusia] dari urat lehernya*” (Qaf, 50: 16; Basmeih, 1995: 1394).

Merujuk kepada ayat di atas, Imam Ash'ari (2010: 51) menjelaskan (وَإِنَّ اللَّهَ يَقْرُبُ مِنْ عِبَادِهِ كَيْفَ شَاءَ بَلَا كَيْفٍ) yang bermaksud: “*Dan Sesungguhnya Allah Ta‘ala mendekati para hambaNya sebagaimana yang Dia kehendaki tanpa kayfiyyat*”. Penggunaan frasa (كَيْفَ شَاءَ) adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa sifat *qurb* (dekat) adalah mempunyai kaitan dengan *mashi'ah* (kehendak) Allah SWT. Justeru, sifat *qurb* adalah termasuk dalam kategori *sifat fi'liyyah* iaitu sifat yang berkaitan dengan pentadbiran Allah SWT (al-Khumays, 2015: 155). Manakala penggunaan frasa (بَلَا كَيْفٍ) di akhir

penjelasan di atas adalah bertujuan untuk mensucikan Allah SWT daripada memiliki sifat "dekat secara fizikal" menurut terjemahan secara literal.

Justeru, boleh dirumuskan bahawa penggunaan frasa (بَلَا كَيْفَ) oleh Imam Ash'ari ketika membincangkan tentang manhaj *Ahl al-Hadith* dalam kalangan Salaf *mutaqaddimin* adalah bertujuan untuk mendukung prinsip *tanzih* dan juga untuk menolak apa sahaja fahaman yang boleh membawa kepada *tashbih* dan *tajsim* (al-Rawi, 2013: 58). Sebab itulah tiada sebuah pun karya ulama Salaf *mutaqaddimin* mahupun karya Imam Ash'ari yang menambahkan frasa (بِدَائِهِ) ketika mengisbatkan sifat *istiwa'* (tertinggi), *nuzul* (turun), *qurb* (dekat) dan sebagainya.

4. Perbincangan

Merujuk kepada dapatan kajian yang telah dipaparkan di atas, di bawah ini ialah perbincangan ringkas mengenainya:

4.1 Konsep *Ithbat* Menurut Imam Ash'ari

Dalam mengisbatkan *Sifat Khabariyyah*, Imam Ash'ari (1998; 2009; 2010) kerap kali menggunakan frasa *bi-La Kayf* (بَلَا كَيْفَ). Pada pandangan penulis, penggunaan frasa (بَلَا كَيْفَ) oleh Imam Ash'ari adalah bertujuan untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* (rupa, bentuk, ciri dan cara) bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah SWT (al-Jaza'iri, 2017: 21-30).

Ini kerana penafian terhadap kewujudan *kayfiyyat* bagi Allah SWT telah pun dijelaskan oleh Imam Abu Hanifah (2007: 176; 2015: 249) menerusi frasa (بَلَا تَشْبِيهِ وَلَا كَيْفِيَّةَ) yang bermaksud: "tanpa *tashbih* dan tanpa *kayfiyyat*". Menurut Imam Abu Hanifah (2007: 67, 68, 75, 176, 177, 178; 2015: 184) Allah SWT adalah Maha Suci daripada berjisim, beranggota, bertempat, berpindah tempat dan mengalami perubahan ataupun mempunyai bilangan, batasan (sempadan), ataupun mempunyai jarak yang berbeza daripada makhlukNya sama ada jarak yang dekat ataupun jauh mahupun lebih jauh.

Menurut al-Qaradawi (2005: 69), penafian terhadap kewujudan *kayfiyyat* bagi *Dhat* Allah SWT dan *Sifat*-Nya turut dijelaskan oleh Imam Malik menerusi frasa (وَلَا يُقَالُ كَيْفٌ، وَكَيْفٌ عَنْهُ مَرْفُوعٌ) yang bermaksud: “Dan tidak boleh ditanyakan bagaimana? Kerana *kayfiyyat* itu sendiri adalah terangkat (*ternafi*) daripadaNya” (al-Bayhaqi, t.t: 561).

Penulis sangat bersetuju dengan pendapat al-Qaradawi di atas kerana apa yang dimaksudkan dengan *kayfiyyat* ialah hal dan keadaan yang baru datang dan boleh hilang serta boleh ditanggapi oleh akal fikiran dan juga oleh panca indera (al-Shatiri, t.t: 14; Rishwan, 2021: 8-11; Osman Haji Khalid et al., 2006: 2045), di mana kesemua itu adalah mustahil bagi Allah SWT.

Sehubungan itu, boleh dirumuskan bahawa penggunaan frasa (بَلَا كَيْف) oleh al-Awza'iy, Sufyan al-Thawri, 'Abd Allah bin al-Mubarak, Sufyan bin 'Uyaynah, al-Layth bin Sa'd dan lain-lain (al-Tirmidhi, 2013: 147; al-Bayhaqi, 1999: 123) adalah perlu difahami dengan maksud yang sama iaitu untuk menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi *Dhat* Allah SWT dan segala sifat-Nya.

Apa yang dimaksudkan dengan manhaj *al-Ithbat bi La Kayfiyyah* menurut al-Qaradawi (2005: 60) ialah:

إِثْبَاتُ الصِّفَاتِ الْمُتَشَابِهَاتِ عَلَى ظَوَاهِرِهَا - كَمَا جَاءَتْ - لِلَّهِ تَعَالَى مَعَ نَفْيِ
لَوَازِمِهَا الْمَفْهُومَةِ مِنْهَا عِنْدَ الْإِطْلَاقِ مِنَ الْجِسْمِيَّةِ أَوْ التَّرَكُّيبِ أَوْ التَّحْزِيرِ فِي جِهَةٍ
... الخ.

Terjemahan: “Mengisbatkan Sifat-sifat Mutashabihat menurut pengertian zahirnya – sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih) – bagi Allah Ta’ala beserta menafikan perkara-perkara lazim yang difahami daripadanya (lafaz-lafaz zahir tersebut) ketika digunakan secara itlaq (tanpa sebarang tafsiran) seperti berjisim atau tersusun dari bahagian dan anggota ataupun mengambil tempat di sesuatu arah ... dan seterusnya”.

Konsep *al-Ithbat bi La Kayf* menurut pentakrifan al-Qaradawi di atas mengandungi dua prinsip utama. Pertama, menerima pakai pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* seperti *wajh* (wajah), *'ayn* (mata), *yad* (tangan) dan *nuzul* (turun) sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan *al-Hadith* menurut lafaz dan frasanya yang asal, tanpa memberikan sebarang tafsiran mahupun takwilan. Kedua, menafikan perkara-perkara yang biasa difahami daripada pengertian zahir *Sifat Khabariyyah* seperti berjisim, beranggota, menetap (أَسْتَقَرَّ) dan berpindah (أَنْتَقَلَ) ke tempat lain.

Untuk memperkukuhkan pendapat di atas, al-Qaradawi telah mengemukakan pernyataan Imam Sufyan bin 'Uyaynah (al-Bayhaqi, 1999: 123) yang berikut:

كُلُّ مَا وَصَفَ اللَّهُ مِنْ نَفْسِهِ فِي كِتَابِهِ فَتَفْسِيرُهُ تِلَاوَتُهُ وَالسُّكُوتُ عَلَيْهِ.

Terjemahan: “Setiap apa yang Allah sifatkan tentang DiriNya dalam KitabNya (al-Quran) maka tafsirannya ialah membacanya (dan beriman kepadanya) dan berdiam diri (tidak berbicara panjang) tentangnya”.

Menerusi pernyataan di atas, Ibn ‘Uyaynah menjelaskan bahawa setiap sifat Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran hendaklah diisbatkan menurut lafaznya yang asal tanpa sebarang tafsiran, tanpa tambahan, tanpa pengubahan lafaz dan tanpa *ta’wil tafsili*.

Justeru itulah dalam menerima pakai aliran *Ithbat*, Imam Ash‘ari (1998: 15, 46; 2002: 233-234) telah menolak pentahrifan lafaz (اسْتَوَى) kepada perkataan (اسْتَوَى). Manakala ulama Asha‘irah pula enggan mengubah lafaz (اسْتَوَى) kepada perkataan (يَسْتَوِي) ataupun (مُسْتَوِي) (al-Maqdisi, 1432: 285-286). Ini kerana penggunaan perkataan (اسْتَوَى) merupakan satu bentuk *tahrif lafzi* manakala pengubahan kepada perkataan (يَسْتَوِي) atau (مُسْتَوِي) pula adalah termasuk dalam konsep *tahrif ma’nawi* (Ghawiji, 2005: 103).

Ringkasnya, pemakaian manhaj *al-Ithbat bi-La Kayfiyyah* adalah bermaksud mensabitkan *Sifat Khabariyyah* seperti *istiwa’*, *wajah*, *yad* dan *nuzul* berpaksikan kepada lafaznya yang asal tanpa sebarang pengubahan beserta dengan menafikan kewujudan *kayfiyyat* (rupa, bentuk, ciri dan cara) yang bertujuan mensucikan Allah SWT daripada *sifat al-hawadith* (sifat-sifat makhluk) seperti berjisim, beranggota, bertempat, berpindah tempat dan sebagainya (Abu Hanifah, 2015: 249; al-Bayhaqi, 1999: 121-122; Ibn ‘Asakir, 2017: 119-120).

4.2 Prinsip *Ithbat* Menurut Imam Ash‘ari

Antara prinsip Imam Ash‘ari dalam menerima pakai manhaj *al-Ithbat bi-La Kayfiyyah* ialah:

4.2.1 Mengisbatkan Sifat *Khabariyyah* Bersumberkan *Adillah Qat‘iyyah*

Imam Ash‘ari hanya mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* yang bersumber daripada dalil-dalil yang meyakinkan (*adillah qat‘iyyah*) sahaja iaitu ayat-ayat al-Quran yang *sarih* seperti sifat *istiwa’*, *wajh*, *yad*, *ityan*, *maji’* dan *qurb*, dan juga yang bersumber daripada hadis-hadis sahih yang *mutawatir* seperti sifat *nuzul* (al-Sabuni, t.t: 50-77; Abu Shadi, 2007: 232).

Prinsip di atas boleh diperkukuhkan dengan penjelasan Imam al-Bayhaqi (t.t: 494) sebagaimana berikut:

وَالْأَصْلُ أَنَّ كُلَّ صِفَةٍ جَاءَ بِهَا الْكِتَابُ أَوْ صَحَّتْ بِأَخْبَارِ التَّوَاتُرِ أَوْ رُوِيَ مِنْ طَرِيقِ الْإِحَادِ وَكَانَ لَهُ أَصْلٌ فِي الْكِتَابِ أَوْ حَرَجَتْ عَلَى بَعْضِ مَعَانِيهِ، فَإِنَّا نَقُولُ بِهَا وَنُجَرِّبُهَا عَلَى ظَاهِرِهَا مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ، وَمَا لَمْ يَكُنْ لَهُ فِي الْكِتَابِ ذِكْرٌ وَلَا فِي

التَّوَاتُرِ أَصْلٌ، وَلَا لَهُ بِمَعْنَى الْكِتَابِ تَعَلُّقٌ، وَكَانَ مَحِيْثُهُ مِنْ طَرِيقِ الْآحَادِ، وَأَفْضَى
 بِنَا الْقَوْلِ إِذَا أَجْرَيْنَاهُ عَلَى ظَاهِرِهِ إِلَى التَّشْبِيهِ، فَإِنَّا نَتَأَوَّلُهُ عَلَى مَعْنَى يَحْتَمِلُهُ الْكَلَامُ
 وَيَزُولُ مَعَهُ مَعْنَى التَّشْبِيهِ، وَهَذَا هُوَ الْفَرْقُ بَيْنَ مَا جَاءَ مِنْ ذِكْرِ الْقَدَمِ وَالرَّجْلِ
 وَالسَّاقِ، وَبَيْنَ الْيَدِ وَالْوَجْهِ وَالْعَيْنِ، وَبِاللَّهِ الْعِصْمَةِ، وَنَسْأَلُهُ التَّوْفِيقَ لِصَوَابِ الْقَوْلِ،
 وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْخَطَا وَالزَّلَلِ فِيهِ، إِنَّهُ رَوْوْفٌ رَحِيمٌ.

Terjemahan: “Dan prinsip asalnya ialah bahawa setiap sifat yang dinaskan oleh al-Quran atau yang sah menurut hadis-hadis mutawatir ataupun yang diriwayatkan daripada saluran hadis Ahad yang mempunyai rujukan asal dalam al-Quran ataupun mempunyai kaitan dengan sifat-sifat tertentu yang terkandung dalam al-Quran maka kami (ulama Asha’irah) akan mengisbatkannya dan akan menerimanya menurut pengertian zahirnya tanpa takyif. Dan apa sahaja sifat yang tidak dinaskan dalam al-Quran dan tidak bersumber dari hadis mutawatir, dan tidak mempunyai hubungan dengan pengertian-pengertian (yang tersirat dalam) al-Quran, dan yang datang daripada hadis Ahad, di mana apabila kita menerimanya menurut pengertian zahirnya (yang hakiki) akan membawa kepada tashbih (menyerupakan sifat Allah SWT dengan sifat makhluk pada fahaman masyarakat awam), maka kita akan mentakwilnya menurut pengertian yang boleh diterima menurut kaedah bahasa Arab, (agar) dengan takwilan tersebut akan terhapuslah fahaman tashbih (dalam kalangan masyarakat awam). Inilah dia perbezaan antara dalil-dalil yang menyebut tentang qadam, rijl dan saq berbanding (dalil-dalil yang menyebut tentang) yad, wajah dan ‘ayn. Dan dengan (tawfiq) Allah jua (tercapainya) pemeliharaan. Kami juga sentiasa memohon kepadaNya agar mentawfiqkan (kami) kepada kata-kata yang menepati kebenaran dan kami sentiasa memohon perlindungan daripada kesilapan serta kegelinciran dalam isu ini. Sesungguhnya Dia adalah Maha Halus lagi Maha Penyayang”.

Terdapat dua fakta utama yang terkandung dalam penjelasan Imam al-Bayhaqi di atas. Fakta pertama ialah sifat-sifat Allah SWT yang diisbatkan oleh ulama Asha’irah adalah boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, *Sifat Khabariyyah* yang bersumber daripada al-Quran seperti *istiwa'*, *wajh*, *yad*, *maji'* dan *ityan*. Kedua, sifat yang bersumber daripada hadis-hadis sahih yang berstatus mutawatir seperti sifat *nuzul*. Ketiga, sifat yang bersumber

daripada hadis *Ahad* yang mempunyai kaitan dengan sesuatu sifat yang terkandung dalam al-Quran. Sebagai contohnya ialah lafaz (فِي السَّمَاءِ) yang terkandung dalam *hadith al-Jariyah* yang merupakan hadis sahih (Muslim, 2005: no. h. 1199) yang berstatus *Ahad*, di mana ia mempunyai kaitan dengan sifat (عُلُوُّ الْقَدَرِ وَالْمَنْزِلَةِ) iaitu sifat Maha Tinggi dari aspek keagungan yang dimiliki oleh Allah SWT sejak azali, bukannya Maha Tinggi dari aspek tempat (al-Qurtubi, 1996: 3/181).

Fakta yang kedua yang terkandung dalam penjelasan Imam al-Bayhaqi di atas ialah ketika berhadapan dengan *Sifat Khabariyyah* yang bersumber daripada hadis *Ahad* yang tidak disokong oleh sebarang nas al-Quran, ulama Asha'irah akan mengambil pendirian untuk mentakwilkan pengertian sifat tersebut khasnya apabila ia boleh membawa kepada fahaman *tashbih* seperti sifat *surah* (rupa), *qadam* (telapak kaki) dan *rijl* (kaki) yang telah ditakwilkan oleh Imam Ibn Furak (2003).

Selain itu, penulis mendapati bahawa ulama Asha'irah mengambil pendirian untuk tidak mengisbatkan sifat yang bersumber daripada riwayat-riwayat *al-Shazzah al-Da'ifah* seperti sifat *qu'ud* (duduk) di atas arasy (al-Ghazali, 2011: 259; Ibn al-Jawzi, 2000; al-Tabari, 1992: 8/135). Demikian juga pendirian ulama Asha'irah terhadap sifat-sifat yang disandarkan kepada Allah SWT sebagai *sifat al-Khalq* iaitu yang tidak termasuk dalam kategori *sifat dhatiyyah* mahupun *sifat fi'liyyah* seperti *Surat al-Rahman* (rupa wajah hasil ciptaan Allah), *Naqat Allah* (unta ciptaan Allah) dan *Ard Allah* (bumi ciptaan Allah) (Ibn Khuzaymah, 2018, 1: 91-92).

Justeru itulah tidak terdapat sebuah pun karya Imam Ash'ari dan juga karya ulama Asha'irah yang mengisbatkan sifat *qu'ud* (duduk), *istilqa'* (baring secara telentang), *janb* (lambung), *haqw* (pinggang), *saq* (betis), dua kaki dan sebagainya seperti yang telah diisbatkan oleh segelintir pendukung aliran *Ithbat* (al-Khallal, 2018: j. 1, 163-172, j. 2, 321-331; Ibn al-Jawzi, 2000; al-'Asqalani, 2000, 13: 441-442; al-Albani, 2010: 13; Yasin, 2016; al-Jaza'iri, 2017: 112).

4.2.2 Mentanzihkan Allah SWT Daripada Sifat *Al-Huduth*

Imam Ash'ari turut mensucikan *Sifat* Allah SWT daripada segala sifat baharu (*sifat al-huduth*). Antara pendekatan yang telah digunakan oleh beliau ialah:

Pertama, Imam Ash'ari (2002: 210-212; 2012: 16) menegaskan bahawa Allah SWT adalah berbeza daripada setiap makhlukNya secara mutlak hatta dari aspek yang sekecil mana sekalipun. Imam Ash'ari (2012: 18, 42) turut menegaskan bahawa *Dhat* Allah SWT adalah bersifat Maha Esa dan bersifat *qadim* (sedia kala). Justeru, *Dhat* Allah SWT adalah bukan jisim dan tidak juga bersifat dengan sebarang sifat jisim, jawhar dan *'arad* kerana kesemuanya adalah bersifat baharu.

Kedua, Imam Ash‘ari telah membahagikan *Sifat Khabariyyah* kepada dua kategori iaitu *Sifat Dhatiyyah* dan *Sifat Fi‘liyyah*. Beliau telah mengisbatkan sifat *yad*, *‘ayn* dan *wajh* sebagai beberapa *Sifat Dhatiyyah* yang termasuk dalam kategori sifat-sifat *ma‘ani* iaitu sama seperti sifat *‘ilm*, *qudrat* dan *hayat*. Inilah yang difahami daripada penjelasan Imam Ash‘ari (2009: 129-130) sebagaimana berikut:

وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كُؤْلَابٍ: أَطْلِقَ الْيَدَ وَالْعَيْنَ وَالْوَجْهَ خَبَرًا لِأَنَّ اللَّهَ أَطْلَقَ ذَلِكَ وَلَا أَطْلَقَ غَيْرَهُ؛ فَأَقُولُ: هِيَ صِفَاتُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ كَمَا قَالَ فِي الْعِلْمِ وَالْقُدْرَةِ وَالْحَيَاةِ إِنَّهَا صِفَاتٌ.

Terjemahan: “Dan ‘Abd llah bin Kullab berkata: Sebutlah *yad*, *‘ayn* dan *wajh* sebagai suatu khabar (daripada Allah SWT) kerana Allah telah menyebut yang demikian itu secara mutlak dan Dia tidak menyebutkan selainnya secara mutlak. Maka saya mengatakan: ia (*yad*, *‘ayn* dan *wajh*) merupakan beberapa sifat bagi Allah ‘Azza wa Jalla sebagaimana Dia firmankan tentang ilmu, qudrat dan hayat bahawa semua itu adalah beberapa sifat (bukannya beberapa anggota)”.

Menerusi penjelasan di atas, Imam Ash‘ari telah mengisbatkan bahawa *yad*, *‘ayn* dan *wajh* merupakan beberapa sifat bagi Allah SWT, di mana pernyataan tersebut adalah mewakili frasa (يَا كَيْفَ) yang digunakan oleh beliau dalam kitab *al-Ibanah*.

Manakala sifat *istiwa’* (al-A‘raf 7: 54), *maji’* (al-Fajr 89: 22), *ityan* (al-Baqarah 2: 210), *qurb* (Qaf 50:16) dan *nuzul* pula telah diisbatkan sebagai *Sifat Fi‘liyyah*, di mana ia mempunyai kaitan dengan *mashi’ah* Allah SWT. Justeru, ia berbeza daripada *Sifat Dhatiyyah* seperti *hayat*, *‘ilm*, *qudrah*, *iradah*, *sam’*, *basar*, *kalam*, *wajh*, *yad* dan *‘ayn* (Abu Hanifah, 2007).

Ketiga, Imam Ash‘ari (2010; Ibn ‘Asakir, 2017) telah mengisbatkan *Sifat Khabariyyah* menurut lafaznya yang asal, di mana beliau tidak pernah mengatakan bahawa Allah SWT beristiwa’ “dengan *DhatNya*” atau turun “dengan *DhatNya*” ataupun datang “dengan *DhatNya*”. Ini kerana tiada seorang pun ulama Salaf dalam kalangan empat generasi pertama umat Islam yang mensabitkan tiga sifat di atas dengan penambahan frasa (بِذَاتِهِ): “dengan *DhatNya*” (Abu Hanifah, 2007; 2021; Ibn Hanbal, 2013; al-Humaydi, 2013; al-Muzani, 2013; al-Tirmidhi, 2013).

Penambahan frasa (بِذَاتِهِ) sebaliknya hanya dilakukan oleh *Ahl al-Hadith* yang terkemudian dan tindakan tersebut telah ditolak oleh para ulama Asha‘irah seperti Ibn al-Jawzi (2005: 72), Ibn Jama‘ah (2005: 129-137) dan

lain-lain. Ini kerana penambahan frasa tersebut boleh menyebabkan sifat *istiwa'* akan difahami secara salah khasnya oleh masyarakat awam serta menimbulkan polemik dan konflik yang berpanjangan.

Sehubungan itulah Imam al-Bayhaqi (1999: 121-123) menjelaskan bahawa wajib diketahui (diyakini) bahawa *istiwa'* Allah SWT bukan bermaksud *istiwa'* menjadi lurus daripada kebengkokan, bukannya menetap pada suatu tempat, bukan berlaku persentuhan dengan sesuatu pun dari makhlukNya, akan tetapi Dia beristiwa' di atas arasyNya sebagaimana yang Dia telah khabarkan, tanpa *kayfiyyat*. Dan bahawa *ityan* Allah SWT bukanlah bermaksud datang dari suatu tempat ke suatu tempat, *maji'*-Nya bukanlah suatu pergerakan, *nuzul*-Nya bukanlah suatu perpindahan (dari atas ke bawah), *nafs* (Diri)-Nya bukanlah jisim, *wajah*-Nya bukanlah rupa bentuk, *yad*-Nya bukanlah anggota dan *'ayn*-Nya bukanlah bola mata.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* menerusi kitab *al-Ibanah*, Imam Ash'ari hanya mengisbatkan sifat-sifat yang bersumber daripada ayat-ayat al-Quran yang *sarih* dan hadis-hadis sahih serta berasaskan kepada apa yang telah diijmakkan oleh ulama *Salaf* seperti sifat *istiwa'*, *wajh*, *yad*, *'ayn*, *maji'*, *ityan*, *qurb* dan *nuzul*. Justeru, manhaj *Ithbat* yang telah diberi perakuan oleh Imam Ash'ari menerusi kitab *al-Ibanah* adalah berkonsepkan *al-Ithbat bi-la Kayfiyyah*, di mana sekalipun beliau telah menerima pakai pengertian zahir *Sifat Khabariyyah*, namun sifat-sifat tersebut tidaklah difahami menurut pengertian hakiki yang bersifat *hissiyyah* dan *jismiyyah*. Dapatan kajian ini sekali gus boleh mencabar kesahihan manhaj *Tafwid al-Kayfiyyah* yang menetapkan kewujudan *kayfiyyat* tertentu bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah Ta'ala, enggan menafikan *sifat al-hawadith* dan juga mengambil pendirian untuk mengisbatkan pelbagai *Sifat Khabariyyah* yang bersumber daripada hadis *Ahad*, hadis *da'if*, *athar* yang ganjil (*shadh*) ataupun berasaskan kepada *mafhum mukhalafah* seperti mengisbatkan sifat *'aynayn* (dua mata) kepada Allah SWT.

Rujukan

- Abid bin Muhammad Noor (2014), *Aqidah Yang Membawa Ke Syurga*, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Abu Hanifah, al-Nu'man b. Thabit "Matn al-Fiqh al-Akbar" di dalam: Mulla 'Ali al-Qari (2007), *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, c. 2, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Shadi, Ibrahim (2007), *al-Ikhtiyarat al-'Aqa'idiyyah li al-Imam al-Albani*, al-Qahirah: Dar al-Ghadd al-Jadid.

- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din "Muqaddimah al-Muhaqqiq" dalam: Muhammad bin Ahmad al-Dhahabi (2010), *Mukhtasar al- 'Uluww*, bi-Ishraf Zuhayr al-Shawish, c. 3, Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (1977), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, tq. Dr. Fawqiyah Husayn Mahmud, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (1998), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, ta'liq 'Abd Allah Mahmud Muhammad 'Umar, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2010), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, tq. Bashir Muhammad 'Uyun, c. 4, Damshiq: Maktabah Dar al-Bayan.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan (2009), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, tq. Ahmad Jad, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan (2022), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, tq. Dr. al-Sa'id b. Sabir b. 'Abduh Ibrahim, al-Riyad: Dar al-Fadilah.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2012), *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Bida'*, ed. Muhammad Amin al-Dannawi, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il (2012), *Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*, ed. Muhammad Amin al-Dannawi, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ash'ari, al-Imam Abu al-Hasan (2002), *"Risalah ila Ahl al-Thaghr"*, tq. 'Abd Allah Shakir Muhammad al-Junaydi, c. 2, al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-'Asqalani, al-Hafiz Ahmad b. 'Ali b. Hajar (2000), *Fath al-Bari bi-Sharh Sahih al-Bukhari*, al-Qahirah: Maktabah al-'Ilm.
- Azwira Abdul Aziz, Dr. (2011), *Pegangan Ahli Sunnah Dan Pendustaan Zamihan Terhadap Ulama Mereka*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Ikhlash Enterprise.
- al-'Asri, Dr. Sayf b. 'Ali (2010), *al-Qawl al-Tamam bi-Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 2, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- al-'Asri, Dr. Sayf b. 'Ali (2022), *al-Qawl al-Tamam bi-Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 4, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Basmeih, Abdullah (1995), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- al-Baqillani, al-Qadi Abu Bakr Muhammad b. Tayyib (1987), *Tamhid al-Awa'il wa Talkhis al-Dala'il*, tq. Al-Shaykh 'Imad al-Din Ahmad Haydar, Bayrut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali (t.t), *Al-Asma' wa al-Sifat*, tq. Fu'ad b. Siraj 'Abd al-Ghaffar, al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali (1999), *al-I'tiqad wa al-Hidayah ila Sabil al-Rashad*, tq. Abu 'Abd Allah Ahmad b. Ibrahim Abu al-'Aynayn, al-Riyad: Dar al-Fadilah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Dhahabi, al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad b. Ahmad (2010), *Mukhtasar al- 'Uluww li al- 'Aliyy al- 'Azim wa Idah Sahih al-Akhbar min Saqimiha*, tq. Al-Shaykh Nasir al-Din al-Albani bi-Ishraf Zuhayr al-Shawish, c. 3, Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Ghawiji al-Albani, Wahbi Sulayman "Muqaddimah fi 'Ilm al-Tawhid" dalam: Badr al-Din b. Jama'ah (2005), *Idah al-Dalil fi Qat'i Hujaj Ahl al-Ta'til*, tq. Wahbi Sulayman Ghawiji al-Albani, Dimashq: Dar Iqra'.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad (1994), *Ihya' 'Ulum al-Din*, c. 3, Bayrut: Dar al-Khayr.
- al-Ghazali, Muhammad Abu Hamid (2011), *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, tq. Yasir Sulayman Abu Shadi, al-Qahirah: Dar al-Tawfiqiyah li al-Turath.

- al-Humaydi, al-Hafiz Abu Bakr 'Abd Allah b. al-Zubayr "Usul al-Sunnah" dalam: Nukhbah min al-'Ulama' (2013), *al-Dalil al-Rashid ila Mutun al-'Aqidah wa al-Tawhid*, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- al-Muzani, al-Imam Isma'il b. Yahya "Sharh al-Sunnah" dalam: Nukhbah min al-'Ulama' (2013), *al-Dalil al-Rashid ila Mutun al-'Aqidah wa al-Tawhid*, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- Ibn al-'Arabi, al-Qadi Abu Bakr Muhammad b. 'Abd Allah (1990), *Qanun al-Ta'wil*, tq. Muhammad al-Sulaymani, c. 2, Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali b. al-Hasan b. Hibat Allah (2017), *Tabyin Kadhīb al-Muftari fi-ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari*, tlq. Muhammad Zahid al-Kawthari, al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ibn Furak, Abu Bakr Muhammad b. al-Hasan al-Isbahani (2003), *Mushkil al-Hadith aw Ta'wil al-Akhbar al-Mutashabihat*, Dimashq: al-Ma'had al-Faransi li al-Dirasat al-'Arabiyyah.
- Ibn Hanbal, al-Imam Ahmad b. Muhammad (2003), *al-Radd 'ala al-Jahmiyyah wa al-Zanadiqah*, tq. Sabri b. Salamah Shahin, al-Riyad: Dar al-Thabat li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hanbal, al-Imam Ahmad b. Muhammad "Usul al-Sunnah" dalam: Nukhbah min al-'Ulama' (2013), *al-Dalil al-Rashid ila Mutun al-'Aqidah wa al-Tawhid*, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- Ibn Hazm, 'Ali b. Ahmad (2003), *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, tq. Ahmad al-Sayyid Sayyid Ahmad 'Ali, al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Ibn Jama'ah, Badr al-Din Muhammad b. Ibrahim b. Sa'd Allah (2005), *Idah al-Dalil fi Qat'i Hujaj Ahl al-Ta'til*, tq. Wahbi Sulayman Ghawiji al-Albani, Damshiq: Dar Iqra'.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman al-Hanbali (2000), *Daf' Shubah al-Tashbih bi Akuff al-Tanzih*, tq. Hasan al-Saqqaf, c. 4, 'Amman: Dar al-Imam al-Nawawi.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman al-Hanbali (2005), *Sayd al-Khatir*, tq. Dr. al-Sayyid 'Imran wa al-Ustadh Sayyid Ibrahim, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Kathir, al-Hafiz 'Imad al-Din Isma'il b. 'Umar (2017), *Kitab al-'Aqa'id*, tq. Dr. Diya' Muhammad al-Mashhadani, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Ibn Kathir, al-Hafiz 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il (1994), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, taqdim: 'Abd al-Qadir al-Arna'ut, Dimashq: Maktabah Dar al-Fayha'.
- Ibn Khuzaymah, Abu Bakr Muhammad b. Ishaq (2018), *Kitab al-Tawhid wa Ithbat Sifat al-Rabb 'Azz wa Jall*, tq. Dr. 'Abd al-'Aziz b. Ibrahim al-Shahwan, c. 10, j. 1, al-Riyad: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- Ibn al-Mu'allim, Muhammad b. Muhammad b. 'Uthman b. 'Umar (2019), *Najm al-Muhtadi wa Rajm al-Mu'tadi*, Dimashq: Dar al-Taqwa.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006), *Bada'i' al-Fawa'id*, tq. Sayyid 'Imran dan 'Amir Salah, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn al-Qayyim, Abu 'Abd Allah Muhammad Abi Bakr (1988), *Ijtima' al-Juyush al-Islamiyyah 'ala Ghazw al-Mu'attilah wa al-Jahmiyyah*, tq. Dr. 'Awwad 'Abd Allah al-Mu'tiq, al-Riyad: Matba'ah al-Farazdaq al-Tijariyyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi (2004), *Matn Lum'ah al-I'tiqad al-Hadi ila Sabil al-Rashad*, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi (1986), *Ithbat Sifat al-'Uluww*, tq. Badr b. 'Abd Allah Badr, al-Kuwayt: al-Dar al-Salafiyyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah b. Ahmad (2002), *Dhamm al-Ta'wil (Bayan Madhhab al-Salaf fi Asma' Allah 'Azz wa Jall wa Sifatih)*, ta'liq Abu Malik Muhammad b. Hamid b. 'Abd al-Wahhab, al-Iskandariyyah: Dar al-Basirah.

- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam (2021), *al-Mas’alah al-Hamawiyyah fi al-Istiwa’ wa al-Sifat al-Khabariyyah*, tq. Dr. Daghigh b. Shubayb al-‘Ajami, Kuwayt: Dar al-Khizanah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (t.t), *al-Iklil fi al-Mutashabih wa al-Ta’wil*, ed. Muhammad al-Shaymi Shahatah, Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (2006), *Majmu’ah al-Fatawa*, tq. Farid ‘Abd al-‘Aziz al-Jundi wa Ashraf Jalal al-Sharqawi, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (2000), *Majmu’ah al-Rasa’il wa al-Masa’il*, ed. Muhammad Rashid Rida, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (1391 H), *al-Risalah al-Tadmuriyyah (Mujmal I’tiqad Ahl al-Sunnah)*, c. 2, Bayrut: al-Maktab al-Islami li al-Tiba’ah wa al-Nashr.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (2001), *Sharh al-‘Aqidah al-Asfahaniyyah*, tq. Sa’id b. Nasr b. Muhammad, al-Riyad: Maktab al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim (1993 H), *Sharh Hadith al-Nuzul*, tq. Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Khumays, al-Riyad: Dar al-‘Asimah.
- Ismail b. Omar (2017), *Manhaj Aqidah Ahli Assunnah Wal Jamaah*, c. 3, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Ismail Lutfi al-Fatoni, Dr. (2007), *Hakikat Ahli Sunnah Wal Jama’ah Dan Peranan Ulama’nya*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- al-Jaza’iri, Shams al-Din (2017), *Judhur al-Bala’ al-Hashawiyyah al-Mutamaslifah*, c. 2, al-Jaza’ir: Dar al-Ma’rifah.
- al-Jilani, al-Shaykh ‘Abd al-Qadir (2006), *al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haqq ‘Azza wa Jalla fi al-Akhlaq wa al-Tasawwuf wa al-Adab al-Islamiyyah*, al-Qahirah: Sharikat al-Quds li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Johari bin Mat, Dr., 2009. “Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari: Satu Kajian Tentang Manhaj Aqidahnya” dalam: Sumbangan Imam Abul Al-Hasan Al-Ash‘ari Dalam Pembangunan Ummah, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Khalid et al., Haji Osman Haji (2006), *Kamus Besar Arab – Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Khallal, Abu Bakr Ahmad b. Muhammad Harun (2018), *Kitab al-Sunnah*, tq. Abu ‘Abd Allah ‘Adil b. ‘Abd Allah Alu Hamdan, c. 3, Jaddah: Dar al-Awraq al-Thaqafiyyah.
- al-Lalaka’i, al-Hafiz Abu al-Qasim Hibat Allah b. al-Hasan (2004), *Sharh Usul I’tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma’ al-Sahabah wa al-Tabi’in wa man ba’dahum*, tq. al-Ustadh Sayyid ‘Imran, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Khumays, Muhammad ‘Abd al-Rahman, Prof. Dr. (2015), *al-Fiqh al-Akbar li al-Imam Abi Hanifah Sharhan wa Dirasatan*, al-Riyad: Maktabah Nashirun.
- al-Mahmud, Dr. ‘Abd al-Rahman b. Salih (1995), *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Asha’irah*, al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Maqdisi, Ibn ‘Abd al-Hadi (1432 H), *al-‘Uqud al-Durriyyah fi Dhikr Ba’d Manaqib Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*, tq. ‘Ali b. Muhammad al-‘Imrani, Makkah al-Mukarramah: Dar ‘Alam al-Fawa’id.
- Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab. ‘Aqidah al-Imam Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab. dalam: Nukhbah min al-‘Ulama’ (2013: 585-590), *al-Dalil al-Rashid ila Mutun al-‘Aqidah wa al-Tawhid*, al-Qahirah: Dar al-Istiqaamah.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, “Takwilan Nas-nas Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf” artikel ilmiah terbitan Global Journal Al-Thaqafah (GJAT), Disember 2012.
- Muhammad Rashidi Wahab .2019. Pendalilan Mantiq Al-Ash‘ari Dalam Akidah Ketuhanan” tesis Ph.D Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 2019.

- al-Nashshar, Prof. Dr. 'Ali Sami (2008), *Nash'ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*, j. 1, al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya b. Sharaf (1997), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*, tq. Al-Shaykh Khalil Ma'mun Shiha, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Naysaburi, Muslim b. al-Hajjaj (2005), *Sahih Muslim*, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Qaradawi, al-Imam Yusuf (2005), *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*, al-Qahirah: Dar Wahbah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (1996), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, c. 6, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rawi, al-Shahid Ahmad Mukhlis (2013), *al-Wasit fi 'Aqa'id al-Imam al-Ash'ari*, 'Amman: Dar al-Nur al-Mubin li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Rishwan Abu Zayd Mahmud (2021), *Qawl al-Salaf fi al-Sifat al-Khabariyyah wa al-Tafriqah Bayn Madhhab Ahl al-Sunnah wa Madhhabay al-Jahmiyyah wa al-Mujassimah*, c. 2, al-Qahirah: Dar Usul al-Din.
- al-Sabuni, Shaykh al-Islam Abu 'Uthman Isma'il b. 'Abd al-Rahman (t.t), *'Aqidah al-Salaf wa Ashab al-Hadith*, tq. Muhammad b. Shams al-Din, t.tp: t.pt.
- Salim, 'Amr 'Abd al-Mun'im (2008), *al-Manhaj al-Salafi 'Ind al-Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani*, c. 2, al-Mansurah: Dar al-Diya'.
- Sha'ban, Muhammad b. Surur (2010), *al-Qawa'id al-'Ilmiyyah fi al-'Aqidah wa al-Manahij wa al-Istidlal min Durus wa Kutub al-'Allamah Muhammad Nasir al-Din al-Albani*, Abu Zabi: Dar al-Imam Malik.
- al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad b. 'Abd al-Karim (1994), *al-Milal wa al-Nihal*, tlq. Abu 'Abd Allah al-Sa'id al-Manduh, Bayrut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (2006), *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, tq. Ahmad b. 'Ali, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad b. Jarir (1992), *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad b. 'Isa b. Sawrah (2013), *al-Jami' al-Kabir al-Mashhur bi-Sunan al-Tirmidhi*, al-Mansurah: Dar al-Mawaddah.
- al-'Uthaymin, Muhammad b. Salih (2012), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, tq. Abu 'Abd al-Rahman Tal'at bin Ahmad Alu 'Arafah, al-Qahirah: Maktabah Misr.
- Yaacob, M. S., Omar, S. H. S., & Zin, E. I. E. W. (2023). Manhaj Ithbat Ulama Salaf dalam Berinteraksi dengan Sifat Khabariyyah Menurut Penjelasan Imam Abu Al-Hasan Al-Ashari: Manhaj Ithbat Salaf Scholars in Interacting with Characteristics of Khabariyyah According To The Explanation Of Imam Abu Al-Hasan Al-Ashari. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 91-110.
- Yaacob, N. (2023). Metode Akidah Golongan Mu 'Tadilah Berkenaan Sifat Khabariyyah: Suatu Pengenalan: The Method of Beliefs of The Mu'tadilah Regarding The Nature of Khabariyyah: An Introduction. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 39-54.
- Yasin b. Rabi' (2016), *Namadhij min al-Tajsim wa al-Tashbih wa al-Takfir wa al-Tadlil wa al-Tazwir 'Ind al-Wahhabiyyah wa Ad'iyah al-Salafiyyah (Watha'iq Musawwarah min Kutubihim)*
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad b. Muhammad al-Husayni (t.t), *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi-Sharh Ihya' 'Ulum al-Din*, t.tp: Dar al-Fikr.
- al-Zarkashi, Muhammad b. 'Abd Allah (1994), *al-Burhan fi 'Ulum al-Qur'an*, tq. Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli et al., c. 2, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-'Azim (1998), *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.